



UCAPAN ALUAN

**YB RAFIZI RAMLI
MENTERI EKONOMI**

MAJLIS PELUNCURAN PELAN TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA 2035 (PuTERA35)

19 OGOS 2024 (ISNIN) | 3.10 – 3.25 PETANG |
PUSAT KONVENSYEN PUTRAJAYA (PICC)
PUTRAJAYA, MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia
MADANI.

I. SALAM PEMBUKAAN

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Peralihan Tenaga dan
Transformasi Air

Ahli-ahli Jemaah Menteri

Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul

Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg

Premier Sarawak

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor

Ketua Menteri Sabah

Menteri Besar dan Ketua Menteri

YBhg. Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar

Ketua Setiausaha Negara

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

II. PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, sama-sama kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita dapat menganjurkan Majlis Peluncuran Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) pada hari ini, 19 Ogos 2024. Dengan peluncuran ini juga bermakna kita dapat menyempurnakan amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya hala tuju dan pendekatan baharu agenda transformasi Bumiputera diketengahkan dalam memperkasakan Bumiputera.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

III. KEDUDUKAN SEMASA SOSIOEKONOMI BUMIPUTERA

2. Berdasarkan data pada tahun 2023, Bumiputera mewakili 70.1% daripada 30.4 juta warganegara Malaysia. Daripada jumlah Bumiputera ini, sebanyak 22% adalah Bumiputera Sabah dan Sarawak serta Orang Asli.
3. Semenjak enam dekad pelaksanaan pembangunan, pencapaian sosioekonomi Bumiputera pada hari ini, baik di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak telah menunjukkan kemajuan. Kemajuan telah dicatatkan dalam pelbagai aspek, sejajar dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru dalam menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Kemajuan ini termasuk dalam pembangunan bakat dan penyertaan dalam guna tenaga,

peningkatan pendapatan, pemilikan ekuiti dan hartanah, serta peningkatan daya saing perusahaan Bumiputera.

4. Bilangan siswazah Bumiputera telah meningkat daripada 2.7 juta pada tahun 2016 kepada kira-kira 3.8 juta orang pada tahun 2022. Dengan peningkatan ini, peratusan siswazah Bumiputera dalam tenaga buruh telah bertambah dari 15.9% pada tahun 2016 kepada 20.4% dalam tempoh yang sama. Pada tahun 2022, bilangan profesional Bumiputera dalam pelbagai menunjukkan peratusan yang signifikan, antaranya perubatan (62%), arkitek (41%), perundangan (39%), perakaunan (32%) serta juru ukur bahan dan tanah (62%).
5. Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata mengikut pekerjaan ketua isi rumah Bumiputera pada tahun 2022 adalah sebanyak RM7,599 berbanding RM172 pada tahun 1970, iaitu lebih daripada 40 kali ganda. Berdasarkan statistik yang ada, nilai sumbangan pampasan pekerja Bumiputera telah meningkat daripada RM218.1 bilion pada tahun 2014 kepada RM294.3 bilion pada tahun 2018.
6. Namun begitu, hakikatnya harus diterima, masih banyak ruang dan peluang untuk Bumiputera bangkit supaya dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan rakan-rakan kita daripada kaum lain, malah untuk gah bersaing di pentas dunia.

Saudara dan saudari sekalian,

IV. ISU DAN CABARAN

7. Masih terdapat pelbagai isu yang membelenggu Bumiputera pada hari ini, seperti status sosioekonomi yang masih terperangkap dalam kelas menengah dan sederhana serta penyertaan Bumiputera yang tertumpu dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang rendah. Ini secara tidak langsung telah menyebabkan jurang pendapatan dan kekayaan antara etnik semakin melebar.
8. Dalam hal ini, antara faktor utama adalah berkait dengan **ketidakupayaan Bumiputera untuk menyumbang secara lebih bermakna** kepada ekonomi negara. Hasrat Kerajaan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera belum tercapai sepenuhnya. Perusahaan Bumiputera dilihat mempunyai kurang keupayaan dan kemampuan untuk mencipta nilai dan mengembangkan perniagaan apabila sebahagian besar daripada perusahaan ini bersaiz mikro dan kecil. Keterbatasan modal dan sokongan pada peringkat awal, terutama syarikat pemula, turut menjadi faktor kepada isu ini yang seterusnya menyebabkan kebergantungan berterusan kepada geran dan pembiayaan Kerajaan.
9. Dalam syarikat tersenarai awam, Bumiputera hanya mewakili 7% daripada syarikat tersenarai awam sehingga tahun 2022, iaitu 62 syarikat daripada 945 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia.

10. Dalam aspek penyertaan tenaga buruh, kadar pengangguran dalam kalangan Bumiputera masih tinggi. Berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia 2022, bilangan Bumiputera yang menganggur mewakili 387,800 orang atau 61.5% daripada jumlah keseluruhan 630,400 orang yang menganggur. Sebanyak 70.8% Bumiputera yang menganggur adalah daripada kumpulan belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun.
11. Kerajaan telah mewujudkan pelbagai agensi yang bertanggungjawab bagi menyokong agenda pembangunan Bumiputera. Sebanyak sembilan agensi mandat Bumiputera ditubuhkan khusus untuk memperkasa agenda pembangunan Bumiputera, antaranya MARA, TERAJU, EKUINAS dan Perbadanan Ekonomi Negeri. Di samping itu, agensi seperti Permodalan Nasional Berhad, Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Perbadanan Nasional Berhad turut berperanan menyokong agenda pembangunan Bumiputera.
12. Namun, beberapa isu berkaitan **institusi dan tata kelola** yang lemah serta mekanisme penyampaian yang kurang berkesan telah mengakibatkan ketirisan dan sasaran tidak tercapai. Pelaksanaan program secara silo yang tidak berdasarkan mandat asal serta ketiadaan pemantauan yang terselaras menyebabkan berlakunya pertindihan peranan dan ketidakcekapan pengurusan sumber.
13. Isu **perlindungan sosial** juga menghimpit dan menginjak Bumiputera. Berdasarkan data tahun 2022, insiden kemiskinan masih tinggi dalam kalangan Bumiputera berbanding kaum lain, yang mana sejumlah 415,400 atau 7.9% isi rumah Bumiputera

hidup dalam kancuh kemiskinan berbanding 1.9% dalam kalangan kaum Cina dan 5.4% dalam kalangan kaum India. Insiden kemiskinan di tiga (3) negeri majoriti Bumiputera iaitu Sabah, Sarawak dan Kelantan melebihi 10%. Yang lebih mencabar, 37.2% Orang Asli adalah miskin, rentetan daripada peluang sosioekonomi yang terhad.

14. Dalam pada itu, peluang pekerjaan yang terhad di negeri kurang membangun termasuk di Sabah dan Sarawak merencat penjanaaan pendapatan dan mobiliti sosial Bumiputera. Hakikat bahawa sebahagian besar pekerja Bumiputera tergolong dalam sektor bukan formal pula menjadikan mereka terdedah kepada kepada sebarang kejutan yang melanda ekonomi.
15. Penetapan hala tuju baharu agenda pembangunan Bumiputera menuntut kita semua untuk melihat isu dan cabaran dari sudut pandang yang berbeza, sama ada pada peringkat domestik atau global. Beberapa trend mega yang sedang melanda turut memberi cabaran kepada Bumiputera, antaranya perubahan susunan blok ekonomi dan kuasa global, teknologi dan digital, demografi dan kualiti hidup, serta krisis kesihatan dan perubahan iklim.

V. PELAN TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA 2035 (PuTERA35)

Hadirin yang saya hormati,

16. Masih ada ruang dan peluang untuk kita bermuhasabah dan berikhtiar dalam mencari solusi terbaik agar sosioekonomi kaum

Bumiputera menjadi lebih maju dan makmur. Ini dapat dilakukan melalui reformasi struktur ekonomi ke arah menjadikan Malaysia, sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Bumiputera mempunyai peluang dan potensi untuk memainkan peranan yang lebih bermakna dalam sektor dan industri baharu yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, termasuk industri *High Growth High Value* (HGHV).

17. Justeru, hari ini kita akan berpeluang untuk diperkenalkan dengan hala tuju baharu pembangunan ekonomi Bumiputera, PuTERA35 sebagai satu langkah proaktif untuk mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. Pelan ini menggagaskan tiga teras yang sejajar dengan Ekonomi MADANI iaitu pertama, memperkukuh pasak ekonomi negara; kedua, memperkukuh kerukunan tatakelola dan institusi; dan ketiga, menegakkan keadilan sosial.
18. Berpaksikan semangat inklusif, Kerajaan Perpaduan komited untuk memastikan bahawa agenda Bumiputera terus diberi keutamaan dalam setiap perancangan pembangunan sosioekonomi negara. Ini sama sekali, tidak akan menafikan hak kaum lain sebaliknya, mampu memberi kesan manfaat kepada semua kaum dalam aspek pembangunan dan kemajuan negara.
19. Pada kesempatan ini, saya ingin mengajak rakan-rakan Kabinet saya, penjawat awam, pihak swasta serta yang lain untuk bersama-sama berusaha untuk memastikan apa yang diaspirasikan dalam PuTERA35 dapat dilaksanakan dengan jayanya demi kesejahteraan rakyat Malaysia.

VI.PENUTUP

Hadirin sekalian,

20. Kita boleh ada perancangan yang hebat. Namun, perkara yang mustahak adalah kecekapan pelaksanaan demi keberkesanan rancangan yang dirangka. Pada Jumaat yang lepas, kita telah mendengar amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya setiap daripada kita mesti mempunyai iltizam yang tinggi untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan, serta bersedia untuk melaksanakan perubahan demi meningkatkan daya saing negara. Harapan besar kita bersama adalah bahawa Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 akan melahirkan generasi Bumiputera yang positif, progresif dan inovatif sekali gus mampu bersaing bukan sahaja di peringkat domestik malah di peringkat antarabangsa.

Sekian saya akhiri dengan wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.